



P E R A S M I A N
R U M A H K E L A H I R A N
M A H A T H I R M O H A M A D



P E R A S M I A N
R U M A H K E L A H I R A N
M A H A T H I R M O H A M A D







KATA-KATA ALUAN

Tahniah diucapkan kepada Arkib Negara Malaysia yang telah berusaha membaikpulih Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad dan dengan ini wujudlah satu usaha untuk memelihara tempat yang mempunyai nilai sejarah.

Saya mengucapkan syabas kepada Arkib Negara di atas inisiatif membaikpulih rumah ini dengan dibantu oleh Jabatan Kerja Raya dan Muzium Negara. Semoga dengan usaha ini akan dapat mencapai matlamat Arkib Negara untuk memelihara rumah ini sebagai satu tempat untuk dilawati oleh orang ramai. Rumah Lahir Mahathir Mohamad ini merupakan satu 'tourist product' baru bagi Negeri Kedah.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang memberi kerjasama untuk menjayakan projek ini.

Yang Ikhlas,

(DATO' SABBARUDDIN CHIK)
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan
Malaysia.



KATA-KATA PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Y.B. Dato' Sabbaruddin Chik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di atas kesudian beliau untuk merasmikan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ini.

Saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dan ahli-ahli keluarganya yang telah banyak menyumbangkan maklumat dan bahan-bahan berkaitan dengan Rumah ini.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Kerja Raya Kedah, Jabatan Muzium Negara dan Jabatan-Jabatan Kerajaan di peringkat negeri yang telah menyelenggarakan projek ini dari mula sehingga siap. Terima kasih juga ditujukan kepada semua yang membantu dengan jujur dan ikhlas terhadap pelaksanaan projek ini.

Kewujudan Rumah ini adalah sebagai lambang warisan negara yang perlu dikekalkan dan selain menjadikan bangunan ini bangunan bersejarah, Kerajaan juga akan menjadikannya sebagai tempat untuk dilawati oleh orang ramai dengan mengadakan pameran bahan-bahan dan peralatan yang berkaitan dengan rumah bersejarah ini.

Akhir kata kepada semua Ahli Jawatankuasa, pegawai dan kakitangan Arkib Negara dan semua yang telah membantu dengan apa juga cara terhadap projek ini, saya mengucapkan berbilang terima kasih.

(DATO' ZAKIAH HANUM)
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia.



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD

Pengenalan

Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad terletak di No.18, Jalan Kilang Ais, tepi Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar adalah merupakan tempat kelahiran Mahathir. Rumah kayu beratap nipah ini dibeli oleh ayah beliau Mohamad bin Iskandar dari seorang penjual yang pada masa itu hendak mengahwinkan anaknya. Rumah ini telah dibina dalam tahun 1900.

Semasa dibeli rumah ini tidak dicat, mempunyai serambi tetapi tidak bertanggung di hadapan. Beberapa tahun kemudian baharulah ditambah bahagian hadapan dan rumah dicat di bahagian hadapannya.

Rumah ini ketika dibeli dahulu mempunyai satu bilik sahaja dan tidak berletrik. Ia berlantai papan dan bahagian anjung bersilangkan kain ombak-ombak. Projek membaikpulih Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ini adalah atas cadangan

Lembaga Muzium Negeri Kedah. Dalam mesyuaratnya pada 21 Ogos 1990 Lembaga telah mencadangkan pihak Arkib Negara dipertanggungjawabkan untuk mengambilalih dan memelihara rumah tersebut di bawah projek Arkib Perdana Menteri. Pihak Lembaga Muzium Kedah





R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

telah mendapat kebenaran bertulis daripada YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan saudara-saudaranya melalui surat bertarikh 29 Jun 1990 untuk dibaikpulih bagi maksud pemeliharaan.

Rumah ini diperolehi oleh Arkib Negara pada November 1991 dan kerja baikpulih dimulakan pada Mei 1992. Usaha memulihara dan memperbaiki rumah ini adalah untuk menyelamatkan tempat yang mempunyai nilai sejarah ini daripada lopus. Di dalam rumah ini dipamerkan peralatan-peralatan asal atau yang sejenis dengan bahan-bahan kepunyaan keluarga Mahathir. Juga dipamerkan maklumat dan bahan-bahan arkib yang berkaitan dengan sejarah hidup beliau semenjak lahir sehinggalah berkahwin. Bahan-bahan ini diperolehi dari saudara mara dan sahabat handai beliau.

Bangunan bersejarah yang mempunyai kaitan rapat dengan YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke empat dibuka kepada orang ramai untuk lawatan. Di dalamnya dipamerkan bahan-bahan dan maklumat mengenai sejarah hidup YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tujuan

Projek membaikpulih rumah ini adalah untuk:

1. Memelihara kekal rumah kelahiran YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mempunyai nilai sejarah sebagai warisan negara.
2. Mengenangkan maklumat mengenai seorang tokoh negara. Di samping ia boleh dianggap sebagai 'tourist product' yang baru bagi Kedah.



Perlaksanaan

Bagi merancang dan melaksanakan projek Rumah Kelahiran ini, sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada jabatan-jabatan kerajaan dan keluarga YAB Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Di samping itu beberapa Jawatankuasa Kecil dan Badan-badan Petugas telah ditubuhkan bagi melicinkan perlaksanaan kerja. Badan Petugas dan Jawatankuasa Kecil ini dipengerusikan juga oleh Ketua Pengarah Arkib Negara, Malaysia.

Bangunan (Rumah)

Arkib Negara selaku Urusetia projek ini telah memilih rumah di No. 18, Jalan Kilang Ais, tepi Jalan Pegawai, tempat kelahiran Dr. Mahathir Mohamad untuk dibaikpulih. Rumah ini mempunyai tiga bilik di ruang serambi, dua bilik di ruang tengah dan



RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR



dapur. Kerja-kerja membaikpulih rumah ini adalah di bawah penyeliaan Jabatan Muzium Negara dan kerja-kerja tapak oleh Jabatan Kerja Raya Kedah. Kerja-kerja membaikpulih rumah telah dimulakan pada bulan Mei 1992 dan siap pada pertengahan bulan November.


Pameran

Pameran di rumah ini menunjukkan keadaan rumah ketika Mahathir dan keluarganya mendudukinya. Sebahagian besar bahagian rumah dan bahan-bahan yang dipamerkan di dalam bentuk asal. Bahan-bahan seperti gambar dan peralatan-peralatan asal dikumpul dan dipamerkan untuk memberi gambaran perjalanan hidup Mahathir Mohamad dan keluarganya.

Pameran terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Dalam dan Bahagian Luar. Bahagian Dalam pula terbahagi kepada:

1. Pengenalan kepada Mahathir Mohamad;
2. Mahathir di zaman persekolahan dan remaja;
3. Bilik tidur;
4. Ruang dapur.

Di bahagian luar rumah, selain dipamerkan tempat mengacau lempuk dan lesung hindik sezaman, yang



dipunyai oleh ibu Mahathir, pokok-pokok asal juga dikekalkan. Tanaman bunga-bunga wangi dan pokok-pokok keperluan dapur direka semula untuk memberi gambaran kawasan halaman rumah.



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

MAHATHIR MOHAMAD SEJARAH AWAL



Mahathir telah dilahirkan pada hari Jumaat 20 Disember 1925 bersamaan 4 Jamadil Akhir 1344 di rumah No. 18, Lorong Kilang Ais, tepi Jalan Pegawai, Seberang Perak, Alor Setar, Kedah. Bapanya ialah Mohamad Iskandar, pengasas sekolah Inggeris pertama di Alor Setar, sekarang dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid. Beliau telah menjadi Guru Besar pertama di sekolah tersebut. Ibunya Wan Tempawan bte. Wan Hanafi adalah dari keturunan Wan Su iaitu Datuk Temenggung Kulut Bukit Lada, Kedah. Mahathir adalah anak bongsu daripada sembilan orang adik beradik, empat orang perempuan dan lima orang lelaki. Tiga daripada mereka (dua lelaki dan seorang perempuan) adalah adik beradik sebapa hasil perkahwinan Mohamad Iskandar dengan isteri terdahulu sementara Mahathir bersama tiga orang kakak dan

dua orang abang adalah saudara sebapa. Beliau dibesarkan di bawah asuhan ibu yang penyayang dan bapa yang tegas dalam pendidikan anak-anaknya, khususnya dalam menyemaikan disiplin dan ilmu pada setiap ahli keluarga. Pendidikan awal Mahathir bermula di Sekolah Melayu Lelaki Seberang Perak, Alor Setar dan kemudian disusuli dengan pelajaran di Kolej





R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R



Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Setelah pelajarannya tergendala selama empat tahun semasa Perang Dunia Kedua, beliau memulakan satu pemiagaan gerai kopi dan kemudiannya gerai menjual buah-buahan dan hasil kraftangan di Pekan Rabu. Apabila perang tamat Mahathir menyambung semula pelajarannya di Kolej Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1945. Beliau kekal di situ sehingga memperolehi Cambridge School Certificate. Di waktu sekolah beliau amat serius dalam pelajaran dan meminati bidang penulisan. Beliau ditugaskan sebagai penyunting majalah sekolah DARULAMAN yang diterbitkan oleh Kolej Sultan Abdul Hamid pada 1945. Setelah tamat persekolahan beliau bekerja



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R



sementara sebagai kerani di Pejabat Daerah Alor Setar dari Mac 1947 hingga Ogos 1947. Setelah mendapat kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan Cambridge School Certificate, beliau melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura. Semasa di kolej, Mahathir kerap mengambil bahagian di dalam forum perdebatan dan majlis perbahasan. Mahathir telah menunjukkan sifat-sifat kepimpinan dalam pelbagai bidang dan telah mendapat penghormatan tinggi apabila dilantik sebagai Presiden Pertubuhan Islam di kolej tersebut. Beliau juga meneruskan minatnya dalam bidang penulisan dan telah menjadi ketua penyunting majalah pelajar-pelajar perubatan di kolejnya. Di waktu itu beliau telah mula menulis untuk akhbar Straits Times dengan menggunakan nama timangan beliau iaitu 'CHE DET'. Mahathir telah dianugerahkan dengan Ijazah Perubatan MBBS dalam tahun 1953 dan mula berkhidmat dengan Kerajaan dalam tahun 1954. Pada 1955 beliau bertugas di Hospital Besar, Alor Setar dan kemudian bertugas di Langkawi dan ditukarkan semula ke Hospital Besar Alor Setar sehingga September 1957. Pada




R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

1 Oktober 1957, Mahathir meletakkan jawatannya sebagai pegawai perubatan Kerajaan untuk membuka klinik sendiri yang diberi nama 'MAHA Klinik', di Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar.

Pada masa itu hanya ada lima buah klinik perubatan persendirian di Alor Setar dan klinik beliau ialah yang pertama ditubuhkan oleh orang Melayu. MAHA Klinik menjadi tumpuan rakyat,

khasnya orang Melayu dari Alor Setar dan persekitarannya. Klinik ini telah dipindahkan ke Pekan Melayu, Alor Setar pada tahun 1959 kerana keperluan yang meningkat.

Mahathir telah berkahwin dengan Siti Hasmah, juga seorang pegawai perubatan pada 5 Ogos 1956.





Masa nan lalu

MALAYS IN SOUTH SIAM STRUGGLE ON

It was with considerable surprise that most people in Malaya read early in 1946 of the activities of the Malays living in South Siam. The surprise was not so much at the Malay insurrection there, as at the presence of a large number of Malays in South Siam.

C.H.E. DET

MALAY WOMEN THEIR OWN FREEDOM

BY C.H.E. DET

POLITICALLY and economically the Malay women are making rapid strides towards their own freedom. They have in the past been dependent on their menfolk for their support and maintenance. Now they are beginning to assert their independence and to take their own part in the development of their country.

representations in the past the effect of change in her consequent sign- faced with the Malay...



UNIVERSITY OF CAMBRIDGE LOCAL EXAMINATIONS SYNDICATE SCHOOL CERTIFICATE

This is to certify that MAHATHIR b. ISKANDAR MUSA passed the School Certificate Examination in December 1946 and reached the standards shown (Pass, Credit, or Very Good) in the English Language test and in the following seven subjects:
English Literature
History of the British Empire
Geography
Malay
Elementary Mathematics
Art
Hygiene and Physiology

Credit
Very Good
Credit
Very Good
Credit
Credit

The candidate has also passed the Oral English Test
Index number 1275
Date of birth as stated at time of entry 20 December 1925
First Grade Certificate (See over)
H. Thinkill
Vice-Chancellor





R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

Aturcara

- 9.30 pagi - Ketibaan dif-dif jemputan
- 10.00 pagi - Ketibaan YB Dato' Sabbaruddin Chik,
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan Malaysia.
- 10.05 pagi - Bacaan Doa
- 10.15 pagi - Ucapan Y. Bhg. Dato' Zakiah Hanum,
Ketua Pengarah,
Arkib Negara Malaysia
- 10.30 pagi - Ucapan YB Dato' Sabbaruddin Chik,
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan Malaysia
- 10.50 pagi - Penyerahan bahan
- Penyampaian cenderamata
- Perasmian Rumah Kelahiran
Mahathir Mohamad
- YB Menteri dan Dif-Dif Kehormat
Melawat Pameran
- Jamuan Ringan Untuk Para Jemputan
- Majlis Bersurai.



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

JAWATANKUASA INDUK PROJEK “RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD”

- Pengerusi : Y. Bhg. Dato' Zakiah Hanum
bte. Abdul Hamid
(Arkib Negara Malaysia)
- Setiausaha : Puan Faridah bte. Ishak
(Arkib Negara Malaysia)
- Ahli-ahli : En. Paiman bin Kromo
(Muzium Negara)
- Puan Halijah bte. Mohd Ibrahim
(Pejabat Tanah & Galian Kedah)
- Puan Nor Mala bte. Hj. Md. Noor
(Majlis Perbadanan Kota Setar)
- Datin Hajjah Fatimah bte. Abdul Karim
(Jabatan Kerja Raya Kedah)
- Puan Hajjah Wan Fatimah bte. Md. Arshad
(Jabatan Kerja Raya Kedah)
- Puan Kamsiah bte. Hj. Medin
(Jabatan Kerja Raya Kedah)
- En. Mohd. Bisharuddin bin Mohd. Noor Basha
(Pusat Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan Wilayah Utara)
- Puan Faezah bte. Dato' Haji Hassan
(Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Kedah)
- Puan Rohani bte. Osman
(Jabatan Perancang Bandar & Desa Kedah)
- En. Ahmad bin Harun
(Muzium Lembah Bujang, Kedah)
- Puan Satinam bte. Mohd. Rijal
(Arkib Negara Malaysia)
- En. Zainol Abidin bin Abd. Rahman
(Arkib Negara Malaysia)
- En. Sallehuddin bin Abdul Ghani
(Arkib Negara Malaysia Caw. Kedah/Perlis)



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

JAWATANKUASA PERASMIAN
"RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD".

Pengerusi	: Y. Bhg. Dato' Zakiah Hanum bte. Abdul Hamid (Arkib Negara Malaysia)	Setiausaha	: Puan Faridah bte. Ishak (Arkib Negara Malaysia)
Ahli-ahli	: En. Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim (Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah) En. Ismail bin Said (Unit Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan, Kedah) En. Roslan bin Haji Ali (Majlis Perbandaran Kota Setar) Puan Hajjah Fatimah bte. Abdul Karim (Jabatan Kerja Raya) En. Shahabuddin bin Mahmud (Jabatan Kerja Raya) En. Mohd. Bisharuddin bin Mohd. Noor Basha (Pusat Kebudayaan, Kesenian & Pelancongan Wilayah Utara)		: En. Mohd. Nawawi bin Abdullah (Jabatan Penerangan Kedah) Tengku Abdullah bin Tengku Ahmad (Jabatan Penyiaran) En. Mohd. Amin bin Jadi (Cawangan Polis Trafik) Puan Satinam bte. Mohd. Rijal (Arkib Negara Malaysia) En. Zainol Abidin bin Abd. Rahman (Arkib Negara Malaysia) En. Sallehuddin bin Abd. Ghani (Arkib Negara Malaysia)

JAWATANKUASA KERJA PAMERAN
"RUMAH KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD"

Pengerusi	: Y. Bhg. Dato' Zakiah Hanum bte. Abdul Hamid (Arkib Negara Malaysia)	Setiausaha	: Puan Faridah bte. Ishak (Arkib Negara Malaysia)
Ahli-ahli	: En. Mashahor bin Mohamad (Keluarga) En. Zainal bin Jaafar (Muzium Negara) Datin Fatimah bte. Abd. Karim (Jabatan Kerja Raya Kedah) Puan Satinam bte. Mohd. Rijal (Arkib Negara Malaysia)		: En. Zainol Abidin bin Abdu. Rahman (Arkib Negara Malaysia) En. Sallehuddin bin Abdul Ghani (Arkib Negara Malaysia Caw. Kedah/Perlis) En. Haned bin Masjak (Arkib Negara Malaysia)



R U M A H K E L A H I R A N M A H A T H I R

PENGHARGAAN

- Y.B. Dato Sabbaruddin Chik
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan
- Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan
Pelancongan Malaysia
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
- Jabatan Muzium Negara
- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah
- Majlis Perbandaran Kota Setar
- Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah
- Pusat Kemajuan Pelancongan Malaysia
Wilayah Utara
- Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
Negeri Kedah
- Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kedah
- Jabatan Penerangan Negeri Kedah
- Radio dan Televisyen Malaysia
- Cawangan Polis Traffic Negeri Kedah
- Keluarga Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad
- Akhbar-Akhbar Tempatan.

